

Suapan pembunuh senyap kredibiliti penjawat awam

Putrajaya: Kumpulan pelaksana merekodkan jumlah tangkapan tertinggi rasuah dan salah guna kuasa dari 2015 hingga Oktober lalu, iaitu 1,884 individu daripada 2,607 penjawat awam ditahan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Shamshun Baharin Mohd Jamil, berkata ia diikuti kumpulan pengurusan dan profesional seramai 658.

“Kumpulan pengurusan tertinggi pula mencatatkan 65 individu. Kita tidak mahu kerana segelintir, ia akan merencatkan kelancaran pembangunan negara dan kredibiliti penjawat awam.

“Disebabkan itu, usaha menangani dan memastikan negara terutama penjawat awam bebas rasuah menjadi tang-

gungjawab bersama, bukan hanya terletak di bahu SPRM sahaja,” katanya kepada *BERNAMA* dalam temu bual eksklusif di pejabat SPRM di sini.

Shamshun Baharin berkata, sempena sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) semalam, SPRM memberi fokus kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bertemakan PBT Perangi Pemberi Rasuah.

Jelasnya, PBT antara fokus dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dan pihaknya sedia bekerjasama membantu PBT, dalam menangani masalah rasuah dan penyalahgunaan kuasa selain penyelewengan.

“PBT ini banyak isu dan bukan sahaja rasuah, tetapi juga isu perkhidmatan yang selalu dipertikaikan orang ramai,” katanya.


Katanya, ia usaha mengubah

PBT menjadi organisasi berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Beliau turut menyarankan PBT membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) tersendiri untuk memerangi gejala rasuah secara komprehensif, sekali gus memperlihatkan komitmen seluruh warga kerja dalam memerangi rasuah, selain bertindak sebagai peringatan dan amaran mengenai PBT tidak menerima rasuah.

Katanya, Majlis Perbandaran Taiping antara yang pertama dalam kalangan 149 PBT di negara ini, membangunkan pelan itu dan mencerminkan komitmen serta sokongan warga MPT dalam memerangi rasuah.

“Ia secara tidak langsung menjadi pembakar semangat SPRM untuk terus memerangi rasuah serta salah guna kuasa secara habis-habisan.



“Kita tidak mahu kerana segelintir, ia akan merencatkan kredibiliti penjawat awam.”

Shamshun Baharin Mohd Jamil,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM

“Kita sedia membantu PBT lain dalam menyediakan OACP dengan memberi nasihat dan kerjasama dengan pegawai terbabit,” katanya. **BERNAMA**